

Kempen “Swipe and Save” Hari Malaysia 2018

Last updated on 13th September 2018

TEMPOH KEMPEN

Kempen “Swipe & Save” Hari Malaysia 2018 (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“**HLISB**”) [kemudian daripada ini disebut “**Bank**”] bermula pada 13 September 2018 hingga 12 Disember 2018 (termasuk kedua-dua tarikh) (“**Tempoh Kempen**”) melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma dan Syarat

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut.

Kelayakan

1. Kempen terbuka kepada Pelanggan Individu Baharu Bank dan/atau Pelanggan Sedia Ada (kedua-duanya ditakrif seperti di bawah) (“**Pelanggan**”). Kempen ini **TIDAK** terbuka kepada pelanggan bukan individu termasuk empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat.

Bagi mengelakkan keraguan:-

- a. “Pelanggan Individu Baharu” bermaksud pelanggan individu (sama ada individu warga Malaysia atau bukan warga Malaysia) yang tidak mempunyai sebarang Akaun Sertaan (seperti ditakrif dalam Fasal 2 di bawah) dengan Bank sebelum Tempoh Kempen dan membuka Akaun Sertaan dan menjadi Pemegang Kad Debit Utama semasa Tempoh Kempen.;
 - b. “Pelanggan Sedia Ada” bermaksud pelanggan individu (sama ada individu warga Malaysia atau bukan warga Malaysia) yang telah membuka Akaun Sertaan dan merupakan Pemegang Kad Debit Utama sebelum Tempoh Kempen.
2. Akaun/akaun-i Sertaan (“**Akaun Sertaan**”) bagi Kempen ini adalah seperti berikut:-
 - a. Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan Asas-i Gaji Hong Leong;
 - b. Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i Gaji Hong Leong;
 - c. Akaun / Akaun-i Pay&Save Gaji Hong Leong;
 - d. Akaun Simpanan/-i Asas Hong Leong;
 - e. Akaun Simpanan/-i Multi-tier Hong Leong;
 - f. Akaun Simpanan/-i Hong Leong;
 - g. Akaun Semasa/-i Asas Hong Leong;
 - h. Akaun Semasa/-i Hong Leong;
 - i. Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong;
 - j. Akaun Simpanan Harvest Hong Leong;
 - k. Akaun/-i Pay&Save Hong Leong;
 - l. Akaun Smartlink Hong Leong;
 - m. Akaun Top Yield Hong Leong;
 - n. Akaun One Hong Leong;
 - o. Akaun One Semasa/-i Hong Leong;
 - p. Akaun Gaji Plus-i Hong Leong; dan/atau
 - q. Akaun Deposit Tabung Duit Hong Leong

Akaun Sertaan-i adalah akaun deposit berasaskan prinsip Syariah Tawarruq. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, semua Akaun Sertaan yang dinyatakan dalam Fasal 2 di atas adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

3. Pelanggan berikut TIDAK layak menyertai Kempen:
 - a. Pelanggan yang memiliki Kad Debit/Debit-i Bank yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
 - b. Pelanggan yang memiliki Kad Debit Junior Bank;
 - c. Pelanggan yang Akaun Kad Debit/Debit-i dan Akaun Sertaan Bank mereka TIDAK berkedudukan baik, tak aktif, dipautkan kepada Akaun Semasa atau Akaun Simpanan / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i (“CASA/CASA-i”) yang telah ditutup atau tak aktif atau yang melanggar mana-mana terma dan syarat Bank mengenai akaun Kad Debit/Debit-i dan/atau CASA/CASA-i pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen;
 - d. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - e. Pelanggan yang dipastikan oleh Bank berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam ini: dan/atau
 - f. Kakitangan tetap dan kontrak Bank dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing.

KAEDAH KEMPEN

4. Untuk melayakkan diri menyertai Kempen ini, Pelanggan MESTILAH memenuhi Kriteria Kempen seperti tertera dalam jadual di bawah ("**Pelanggan Layak**") semasa Tempoh Kempen.

Butiran	Kriteria Kempen	Ganjaran
Kaedah & Syarat	Berbelanja dengan Kad Debit/Debit-i Bank sekurang-kurangnya 10 kali dengan perbelanjaan runcit minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) (termasuk Pembelian Runcit dan/atau Dalam Talian, kedua-duanya tertakhluk kepada Fasal 6 & 7 di bawah) dalam satu resit dalam setiap Bulan Kempen seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah.	Faedah/ Keuntungan Bonus 3.00% setahun atas CASA/CASA-i DAB bagi Bulan Kempen berkenaan

Bulan Kempen		Had Pembayaran Ganjaran untuk setiap Bulan Kempen
Bulan 1	13 September 2018 – 12 Oktober 2018	Ringgit Malaysia Tiga Puluh Tujuh Ribu (RM37,000)
Bulan 2	13 Oktober 2018 – 12 November 2018	Ringgit Malaysia Tiga Puluh Tujuh Ribu (RM37,000)
Bulan 3	13 November 2018 – 12 Disember 2018	Ringgit Malaysia Tiga Puluh Enam Ribu (RM36,000)

5. Bagi mengelakkan keraguan, jumlah pembayaran Faedah/Keuntungan Bonus yang diperuntukkan oleh Bank untuk Kempen ini dihadkan kepada Ringgit Malaysia Seratus dan Sepuluh Ribu (RM110,000) sahaja sepanjang Tempoh Kempen ("**Had Pembayaran Ganjaran**"), dan Had Pembayaran Ganjaran bagi setiap bulan Tempoh Kempen adalah seperti ditakrif dalam Fasal 4 di atas, atas dasar siapa cepat dia dapat. Sekiranya Had Pembayaran Ganjaran untuk setiap Bulan Kempen telah habis digunakan, maka tiada lagi Pembayaran Ganjaran akan dilakukan.
6. **Pembelian Runcit** merujuk kepada pembelian runcit melalui tempat jualan di mana-mana kedai runcit yang beroperasi di Malaysia dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja tetapi **TIDAK TERMASUK**:
- Pengebilan automatik;
 - Tambah nilai "Touch 'n Go";
 - Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - Pembayaran Fi Pengeluaran/Fi Tahunan/Fi Pembaharuan Kad Debit/Debit-i Bank ;
 - Apa-apa fi perkhidmatan atau fi pelbagai (termasuk caj penalti) yang dikenakan oleh Bank; atau
 - Apa-apa jua pembelian yang dilakukan di luar Malaysia.
7. **Pembelian Dalam Talian** merujuk kepada transaksi belian barang dan servis melalui internet (daripada kedai dalam talian yang mungkin beroperasi di dalam atau luar Malaysia) untuk kegunaan peribadi yang dibuat hanya dalam Ringgit Malaysia ("RM") atau matawang asing dan bukan untuk tujuan perniagaan. Pembelian Dalam Talian yang dibuat dalam matawang selain RM akan ditukar dan dikira dalam RM berdasarkan kadar tukaran yang ditetapkan oleh Bank pada waktu transaksi tersebut berlaku. Untuk mengelakkan keraguan, Bank berhak untuk menentukan sebarang transaksi belian yang termasuk dalam definisi Pembelian Dalam Talian dan sebarang permohonan berkenaan dengan keputusan Bank tidak akan dilayan.
8. Transaksi berikut adalah dikecualikan daripada Pembelian Dalam Talian:
- Transaksi pemulangan semula, dipertikai, tidak berjaya, ditarik balik, tidak diluluskan, berunsur penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - Pembayaran Fi Pengeluaran/Fi Tahunan/Fi Pembaharuan Kad Debit/Debit-i Bank ;
 - Apa-apa bentuk servis atau fi pelbagai yang dikenakan oleh Bank (termasuk Caj Penalti untuk Bank)
9. Untuk mengelakkan keraguan, hanya transaksi Pembelian Runcit dan/atau Dalam Talian seperti yang dinyatakan dalam Fasal 6 & 7 yang berjaya dipaparkan dan dipantulkan dalam sistem dan rekod Bank dengan jumlah Belanja Transaksi berkenaan berjaya didebit daripada Pelanggan Layak CASA/CASA-i akan layak untuk mendapat Ganjaran.
10. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana kegagalan atau kelewatan pengaliran dan/atau pemantulan dalam Pelanggan Layak CASA/CASA-i atas Pembelian Runcit dan/atau Belanja Dalam Talian berkenaan yang mana menyebabkan Pelanggan Layak dikecualikan daripada menerima Ganjaran untuk Kempen ini.

11. Baki Purata Harian (“DAB”) ditakrif sebagai jumlah baki penutup harian bulan semasa bagi Akaun Sertaan sepanjang Bulan Kempen dibahagi dengan bilangan hari bagi Bulan Kempen berkenaan. Berikut ialah contoh bagaimana mengira DAB/Ganjaran.

a) Kiraan DAB/Ganjaran bagi Pelanggan Sedia Ada

$$\text{DAB} = \frac{\text{Jumlah baki penutup harian bulan berkenaan}}{\text{Bilangan hari dalam bulan itu}}$$

$$\text{cth. Bulan 1} = \frac{\text{(Sept 13) RM5,200 + (Sept 14) RM4,500 + (Sept 15) RM5,300..... + (Okt 12) RM5,000}{30 \text{ hari}}$$

$$\begin{aligned} \text{Kiraan Ganjaran bagi bulan 1} &= \frac{\text{(Jumlah baki penutup harian bulan berkenaan) RM153,500}{30 \text{ hari}} \times \text{(Ganjaran setahun) } 3\% / 12 \text{ bulan} \\ &= \text{RM12.80 Faedah/Keuntungan Bonus Dibayar} \end{aligned}$$

b) Kiraan DAB/Ganjaran bagi Pelanggan Individu Baharu

$$\text{DAB} = \frac{\text{Jumlah baki penutup harian sepanjang Bulan Kempen sejak dibuka}}{\text{Bilangan hari Bulan Kempen sejak dibuka}}$$

cth. Akaun Sertaan dibuka pada 28 Sept semasa Tempoh Kempen

$$\text{Bulan 1} = \frac{\text{(Sept 28) RM2,230 + (Sept 29) RM1,400 + (Sept 30) RM2,900..... + (Okt 12) RM2,200}{15 \text{ hari}}$$

(kiraan dari 28 Sept 2018 hingga 12 Okt 2018)

$$\begin{aligned} \text{Kiraan Ganjaran bagi bulan 1} &= \frac{\text{(Jumlah baki penutup Harian bagi Hari-hari berbaki) RM86,350}{15 \text{ hari}} \times \text{(Ganjaran setahun) } 3\% / 12 \text{ bulan} \\ &= \text{RM14.40 Faedah /Keuntungan Bonus Dibayar} \end{aligned}$$

12. Pembayaran Ganjaran akan dibuat dalam masa enam puluh (60) hari selepas berakhirnya Tempoh Kempen. Sekiranya terdapat seri (contoh di mana Had Pembayaran Ganjaran telah habis digunakan dan lebih daripada satu Pelanggan Layak memenuhi Kriteria Kempen dengan tarikh dan masa yang sama), Pelanggan Layak dengan baki agregat dalam akaun Pelanggan Layak yang tertinggi di dalam akaun pada masa pengekstrakan data (yang akan dibuat selepas berakhirnya Tempoh Kempen) akan layak menerima Ganjaran.
13. Bagi tujuan patuh Syariah untuk bayaran Keuntungan Bonus, Pelanggan telah memberi keizinan kepada HLISB supaya menggunakan Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) daripada Akaun Sertaan-i sebagai harga belian bagi tujuan Dagangan Komoditi untuk mempermudah bayaran Keuntungan Bonus. Seluruh hasil daripada Dagangan Komoditi akan dibayar balik ke dalam Akaun Sertaan-i tanpa gagal. Dagangan Komoditi akan dilakukan dalam masa 60 hari selepas berakhirnya Tempoh Kempen.
14. Untuk menyertai Kempen borang penyertaan kempen atau pendaftaran penyertaan tidak diperlukan. Bank akan menjejaki Pelanggan Layak secara automatik pada akhir Tempoh Kempen, namun begitu Pelanggan Layak TIDAK akan diberitahu sama ada mereka telah berjaya melayakkan diri untuk mendapat Ganjaran itu atau tidak. Pelanggan Layak yang tidak menerima Ganjaran selepas 60 hari setelah berakhirnya Tempoh Kempen dianggap tidak layak mendapat Ganjaran itu dan sebarang rayuan/permintaan untuk mendapatkan bayaran ganti Ganjaran itu tidak akan dilayani oleh Bank.
15. Bagi Pelanggan Layak yang mempunyai lebih daripada satu Akaun Sertaan, maka setiap satu Akaun Sertaan dianggap sebagai suatu penyertaan tersendiri. Akan tetapi, Pelanggan Layak hanya akan berhak menerima satu Ganjaran sepanjang setiap Bulan Kempen biarpun mereka mempunyai lebih daripada satu Akaun Sertaan. Sekiranya terdapat lebih daripada satu Akaun Sertaan yang layak mendapat Ganjaran, maka Akaun Sertaan Pelanggan Layak yang mempunyai amaun Ganjaran yang tertinggi akan dibayar.

16. Akaun Sertaan Pelanggan Layak mestilah pada setiap masa kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) sebagai syarat memenuhi Kaedah Kempen. Sekiranya Akaun Sertaan ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa sebelum memenuhi syarat, maka Pelanggan Layak akan terlucut kelayakannya daripada menyertai Kempen.
17. Sejauh yang dibenarkan undang-undang, Bank dikecualikan daripada sebarang tanggungjawab dan segala liabiliti berbangkit daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau pertukaran kepada butiran Ganjaran atau apa-apa keadaan luar jangka di luar kawalan munasabah Bank dan atas sebab keingkaran di pihak pembekal atau vendor pihak ketiga.

UMUM

18. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan bersetuju:
 - i) telah membaca, memahami dan akan mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun Bank dan Terma & Syarat Akaun Sertaan;
 - ii) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani;
 - iii) mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my dan / atau laman web HLISB di www.hlisb.com.my ("**laman web Bank**") dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
 - iv) ganjaran yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan; dan
 - v) bertanggungjawab dan menanggung sendiri segala cukai bekekaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
19. Bank berhak:
 - (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggantian Ganjaran dengan mana-mana tawaran produk lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlak Bank, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - (ii) mengubah, menambah, membatalkan atau menggantikan mana-mana atau kesemua Ganjaran dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
 - (iii) menentukan, atas budi bicara mutlak, siapakah Pelanggan Layak sekiranya berlaku seri seperti yang disebutkan dalam Fasal 12 di atas;
 - (iv) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atas apa jua sebab, menurut budi bicara mutlak Bank, setelah didapati tidak layak menyertai Kempen dan/atau berhak menerima Ganjaran; dan
 - (v) melupuskan Ganjaran sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat di dalam ini dan/atau Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong mengenai CASA Hong Leong, Akaun Semasa dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), dan semua undang-undang / peraturan berkenaan.
20. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
21. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma & Syarat dalam laman web Bank hendaklah diutamakan.
22. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
23. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Produk-produk Deposit/Deposit-i adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")